



DIPLOMA PSIKOLOGI KAUNSELING

MQA: FA 7654 | KPT: (R/311/4/0087)



FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA

SENARAI KANDUNGAN

| | |
|--|------------|
| Pengenalan | 1 |
| Kenapa Perlu Pilih DPK Kolej Uniti? | 2 |
| Syarat Masuk | 3 |
| Struktur Kurikulum | 4-7 |
| Laluan Sambung Belajar | 8 |
| Laluan Kerjaya | 9 |
| Permintaan Pasaran Semasa | 10 |
| Latihan Amali/ Latihan Industri | 11 |
| Alumni DPK | 12 |
| Penilaian Luar | 13 |

PENGENALAN

- Psikologi Kaunseling adalah satu bidang yang melibatkan pengetahuan mengenai ilmu psikologi yang memfokuskan kaunseling bagi berhadapan dengan isu kesihatan mental dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Permintaan semasa yang semakin tinggi daripada sektor awam mahupun swasta yang memerlukan tenaga kerja yang berkelayakan dan berpengetahuan luas dalam bidang yang berkaitan dengan bidang psikologi kaunseling. Hal ini kerana bidang Psikologi Kaunseling merupakan satu bidang yang sedang berkembang sejajar dengan kepedulian atau kesedaran masyarakat yang semakin tinggi terhadap kepentingan psikologi kaunseling dalam kehidupan seharian khususnya dalam menangani isu-isu yang melibatkan kesejahteraan psikologikal masyarakat.
- Diploma Psikologi Kaunseling (DPK) dapat melahirkan pelajar yang mempunyai ilmu pengetahuan berkaitan psikologi dan kaunseling serta mampu melaksanakan ilmu pengetahuan tersebut dalam kehidupan seharian. Pelajar didedahkan dengan teori psikologi dan kemahiran asas kaunseling. Kemudian pelajar diminta untuk menjalankan sesi kaunseling seperti kaunseling individu, kaunseling kelompok dan juga bimbingan, di samping itu mereka akan memantapkan kemahiran pelajar melalui penulisan laporan setiap sesi yang dijalankan, membuat rakaman sesi kaunseling, menjalankan penilaian ke atas klien menggunakan ujian - ujian psikologi seperti ujian personaliti, ujian kerjaya, ujian DASS (Depression Anxiety Stress Scales).



KENAPA PERLU PILIH DPK KOLEJ UNITI?



Kandungan silibus yang relevan dengan kehidupan seharian dan isu semasa



Pelajar mempelajari dua bidang iaitu bidang psikologi dan kaunseling



Syarat kemasukan yang minimum



Proses pengajaran dan pembelajaran yang kondusif dan terapeutik



Menerapkan elemen keusahawanan

SYARAT MASUK

- Lulus SPM atau yang setara dengannya serta sekurang-kurangnya kepujian dalam 3 mata pelajaran dan lulus mata pelajaran Matematik dan Sains

Atau

- Lulus STPM atau yang setara dengannya serta sekurang-kurangnya lulus penuh dengan NGMP 2.00 dan lulus mata pelajaran Matematik Dan Sains di peringkat SPM



STRUKTUR KURIKULUM

SEMESTER 1

- Teori Kaunseling Dan Psikoterapi
- Pengantar Psikologi
- Psikologi Perkembangan
- Fiqh Ibadah
- Etika Dan Moral

SEMESTER 2

- Prinsip Bimbingan Dan Kaunseling
- Psikologi Fisiologi
- Psikologi Personaliti
- Pengantar Statistik
- Asas Keusahawanan
- Pengajian Malaysia

SEMESTER 3

- Teori Perkembangan Kerjaya Teknik Kaunseling
- Isu Dan Etika Dalam Kaunseling
- Metodologi Penyelidikan
- Pemikiran Kritis Dan Kreatif
- Professional Communication

SEMESTER 4

- Dakwah & Metodologi
- Modifikasi Tingkah Laku
- Kaunseling Kelompok
- Psikologi Industri & Organisasi
- Ujian & Pengukuran Dalam Kaunseling
- Public Speaking

SEMESTER 5

- Kaunseling Pelbagai Budaya
- Kaunseling Perkahwinan & Kekeluargaan
- Ujian Penaksiran Dalam Kaunseling
- Khidmat Sosial
- Tasawwur Islam
- Kajian Lapangan

SEMESTER 6

- Latihan Amali

**3 TAHUN
PENGAJIAN**

Teori Kaunseling dan Psikoterapi

Kursus ini mendedahkan bahawa kaunseling memerlukan panduan untuk dipraktikkan. Kursus ini juga akan memperkenalkan beberapa pendekatan utama dalam kaunseling dan psikoterapi. Setiap pendekatan ini memiliki teori-teori khusus bagi memastikan kaunseling dapat diamalkan dengan baik. Selain daripada memahami konsep-konsep serta prinsip-prinsip asas teori, implikasi teori terhadap praktik juga akan ditekankan. Kursus ini menghuraikan teknik dalam pengendalian kaunseling dan terapi dalam menyelesaikan masalah dalam proses kaunseling.

Pengantar Psikologi

Kursus ini memperkenalkan psikologi sebagai kajian yang saintifik tentang tingkah laku manusia dan proses mental organisma. Ia merangkumi semua aspek pemikiran, pengalaman sedar dan pengalaman tidak sedar. Ia juga adalah satu disiplin akademik dan sains gunaan bagi memahami individu dan kumpulan dengan mewujudkan prinsip-prinsip umum dan penyelidikan kes-kes tertentu.

Psikologi Perkembangan

Kursus ini merupakan pengenalan kepada kursus Psikologi Perkembangan Manusia. Ia memberi tumpuan kepada isu-isu berhubung perkembangan manusia bermula dari dalam kandungan hingga ke tahap lanjut usia. Ia bertujuan memberi pengetahuan berhubung perkembangan dan pertumbuhan aspek-aspek psikologikal yang dilalui bagi setiap tahap kehidupan manusia. Memahami skop pengkhususan disiplin psikologi perkembangan manusia.

Psikologi Personaliti

Kursus ini bertujuan untuk melihat konsep dan prinsip asas teori personaliti utama. Kursus ini juga memperkenalkan kepada pelajar isu-isu dan perkembangan dalam disiplin psikologi personaliti. Memastikan pelajar mampu mendefinisikan psikologi personaliti, teori dan andaian asas semula jadi manusia. Selain itu ia juga bertujuan memastikan pelajar mampu menghuraikan teori-teori personaliti secara terperinci serta boleh mengenalpasti kecelaruan personaliti yang berlaku di dalam masyarakat dan boleh mengaplikasi teori-teori personaliti dalam kehidupan seharian.

Prinsip Bimbingan dan Kaunseling

Kursus ini merupakan pengenalan kepada bidang bimbingan dan kaunseling. Perbincangan meliputi konsep dan prinsip-prinsip sejarah, peranan kaunselor, etika, jenis perkhidmatan, kaunseling di pelbagai lapangan penilaian dan cabaran ke arah profesionalisme kaunseling. Melalui kursus ini, pelajar mampu menilai dan mengadaptasi pendekatan dalam kaunseling yang berseesuaian dengan situasi semasa.

Teknik Kaunseling

Kursus ini diperkenalkan untuk memberi pendedahan dan mengasah kemahiran dan teknik kaunseling. Dalam kursus ini, kemahiran-kemahiran asas kaunseling yang disarankan oleh Ivey digabung jalin bersama dengan model perkembangan kaunseling Egan yang bertindak sebagai rangka kerja proses kaunseling. Pada peringkat permulaan, tumpuan diberikan terhadap teori pemusatan-insan. Dalam kursus ini pelajar akan menjalani latihan amali di makmal serta menyediakan laporan-laporan latihan ini.

Kaunseling Kelompok

Kursus ini memperkenalkan teori-teori kaunseling kelompok seperti psikoanalisis, tingkah laku-kognitif dan fenomenologi. Ia juga mendedahkan pelajar kepada jenis kaunseling kelompok, jenis keahlian dan corak kepimpinan fasilitator. Para pelajar akan memahami proses kelompok dari permulaan pembentukan kelompok sehingga pengakhiran kelompok. Perbincangan terhadap etika dan juga cara-cara penilaian keberkesanan kaunseling kelompok disertakan. Belajar bagaimana memimpin kaunseling kelompok supaya sesi dapat dijalankan mengikut tahap-tahap perkembangan sesi kelompok.

Ujian Dan Pengukuran Dalam Kaunseling

Kursus ini membincangkan bagaimana kewujudan alat ukuran dalam kaunseling dari aspek kegunaan, prinsip-prinsip utama, jenis alat ukuran dan teknik yang biasa digunakan oleh kaunselor untuk melihat tingkah laku sama ada pada individu atau kelompok. Penekanan diberikan kepada bagaimana untuk mentadbir, menilai dan menginterpretasi ujian untuk memahami masalah dan tingkah laku individu.

Kaunseling Pelbagai Budaya

Kursus ini bertujuan memperkenalkan tentang pelbagai isu dalam kaunseling pelbagai budaya. Kemahiran mengendalikan kaunseling pelbagai budaya penting memandangkan Malaysia sendiri terbentuk daripada masyarakat majmuk. Tumpuan akan diberikan kepada perlunya kaunselor memahami sikap dan kepercayaan sendiri, pengetahuan asas tentang pelbagai budaya dan kemahiran kaunseling silang budaya untuk bekerja dengan klien dari latar budaya yang berbeza. Isu etika dan perundangan juga turut dibincangkan.

Kaunseling Perkahwinan dan Kekeluargaan

Kursus ini memperkenalkan keluarga sebagai satu sistem dan satu amanah. Turut dibincangkan matlamat perkahwinan dan persediaan untuk hidup berkeluarga serta cara membina perkahwinan yang matang. Selain itu, isu dan masalah-masalah dalam perkahwinan dan keluarga turut dikongsi serta strategi mengatasi konflik dibincangkan. Pendedahan kepada terapi keluarga khusus turut diberikan - Terapi Keluarga Transgenerational dan Terapi Keluarga Struktural

Metodologi Penyelidikan

Kursus ini memberi peluang kepada pelajar meneroka aspek-aspek falsafah tentang sains, ilmu dan penyelidikan. Pelajar akan didedahkan dengan proses penyelidikan saintifik. Pendedahan kepada aspek cadangan, penyediaan dan pelaksanaan sesuatu penyelidikan. Penilaian dijalankan menerusi penulisan laporan penyelidikan.

Psikologi Industri dan Organisasi

Kursus ini membincangkan mengenai aplikasi teori-teori psikologi di dalam industri dan organisasi dan menyediakan pengetahuan yang mendalam tentang isu-isu yang berkaitan dengan prestasi dan hubungan manusia dalam organisasi iaitu memberi tumpuan kepada meningkatkan produktiviti di tempat kerja dan isu-isu berkaitan seperti aspek kesejahteraan fizikal dan mental pekerja. Perbincangan berkaitan pekerja seperti sikap dan tingkah laku pekerja, pengambilan pekerja, pemilihan pekerja, latihan pekerja, analisis kerja, prestasi kerja, motivasi, kepimpinan, komunikasi, pengurusan konflik dan sebagainya turut dibincangkan.



LALUAN SAMBUNG BELAJAR

Peluang menyambung pengajian peringkat ijazah sarjana muda psikologi kaunseling di universiti tempatan.

✓ Ijazah Sarjana Muda Kaunseling:



✓ Ijazah Sarjana Muda Psikologi:



✓ Ijazah Sarjana Muda Psikologi Kaunseling:



LALUAN KERJAYA

SEKTOR KERAJAAN



- **PENOLONG PEGAWAI PSIKOLOGI S29**
GAJI : RM1,493
- **PENOLONG PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT S29**
GAJI : RM1,493
- **PENOLONG PEGAWAI AADK S29**
GAJI : RM1,493

BEKERJA SENDIRI



- **FASILITATOR SAMBILAN (RM 100 SEJAM)**
- **PENULIS BUKU MOTIVASI**
(7% daripada harga runcit buku- 5000) (PTS)
- **PENCERAMAH BEBAS (RM 100 SEJAM)**
- **KAUNSELOR SEKOLAH RENDAH SWASTA (RM2,000)**

PERMINTAAN PASARAN SEMASA

English Malay 中文 Arabic Español தமிழ்

Am Ekonomi Jenayah & Mahkamah Politik Sukan Gaya Hidup Wilayah Dunia

AM
Bilangan pegawai psikologi dalam negara tidak mencukupi - Dr Noor Hisham
04/06/2020 01:56 PM

BERITA > Nasional

Penjara perlukan pegawai psikologi
Oleh NOR FARHANA YAACOB
14 November 2019 08:20pm Masa membaca: 2 minit

Rabu, 4 September 2020 Waktu Solat

myMetro

UTAMA MUTAKHIR GLOBAL ARENA RAP/RAPXTRA BISNES ADDIN WM METROTV TITIPAN KASHI GALERI RADIO LAMAN HARAMAIN


Hampir 5 juta rakyat Malaysia sakit mental dan NCD
Mohd Iskander Ibrahim
am@metromy.com.my

Trending

- Sakit mistik tahun lalu bertutur, tak berjalan fi
- Polis buru terabit ke lari
- Pelaburan Pesara Jun RM1.9 juta
- Kasih B
- Sungai me buaya 'ses perumah

Mutakhir

- Perubahan tertinggi re perkhidma
- Serah mak perbankan syarikat ru RM100.00



LATIHAN AMALI/ LATIHAN INDUSTRI



ALUMNI DPK



NURUL ALIA BINTI YAZID

Sambung Belajar Di Universiti Malaya
(Ijazah Sarjana Muda Kaunseling)



DANIAL AIMAN BIN ZARIR

Sambung Belajar Di Universiti Melaka
(Ijazah Sarjana Muda Kaunseling)



FARAH NASUHA ROSSLY

Sambung Belajar Di USAS
(Ijazah Sarjana Muda Kaunseling)



**MUHAMMAD SYAHRIZWAN
BIN SAINUDDIN**

Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat S29
Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Pilah



**MUHAMMAD NABIL IRFAN
BIN RAMLAN**

Perajurit Muda Tentera Darat



**NURUL SUHANA BINTI SAIFUL
AZMAN**

Pegawai Khidmat Pelanggan



PENILAIAN LUAR



PENILAI AKADEMIK

◆ **Dr. Nasrudin Bin Subhi**

- Pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia
Pusat Kajian Psikologi & Kesejahteraan
Manusia (Psitra)



PENILAI INDUSTRI

◆ **Tuan Haji Norazman Bin Amat**

- Ketua Eksekutif PK MAINS





NO. SIRI.: **18429**

NO. PENDAFTARAN.:
MQA/FA7654

PERAKUAN AKREDITASI

AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA DENGAN INI MEMPERAKUKAN BAHAWA PROGRAM

Diploma Psikologi Kaunseling

YANG DIKENDALIKAN OLEH

Kolej UNITI


DI ALAMAT

**UNITI Village, PT 4566, Kampung Tanjung Agas, Batu 18, Pasir Panjang
71250 Port Dickson, Negeri Sembilan**

TELAH MENCAPAI STANDARD JAMINAN KUALITI YANG TELAH DITETAPKAN OLEH AGENSI DAN
MEMATUHI KERANGKA KELAYAKAN MALAYSIA

Tahap 4

TARIKH AKREDITASI : **21/06/2019**


KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



PENGANUGERAHAN PERAKUAN AKREDITASI INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA PERATURAN-PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT YANG TELAH DITETAPKAN OLEH AGENSI



**DAFTAR
SEKARANG!**

https://bit.ly/daftar_UNITI

**DPK:
MQA: FA 7654 | KPT (R/311/4/0087)
FAKULTI PENDIDIKAN DAN
PEMBANGUNAN MANUSIA**

**Kolej UNITI
UNITI Village Persiaran UNITI
Tanjung Agas
71250 Port Dickson
Negeri Sembilan**



@KolejUNITIPortDickson



www.uniti.edu.my

Tel : 06-649 0350

Fax : 06-661 0509